

# BULETIN EKSPORT KAYU-KAYAN

## Timber Export Bulletin

DIKELUARKAN OLEH LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA/ISSUED BY THE MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD

BULETIN EKSPORT KAYU-KAYAN NO: 17/87  
TARIKH DIKELUARKAN: 23/12/98  
SUBJEK: **TEMPOH SAH LESEN EKSPORT**

Buletin ini bertujuan untuk menerangkan mengenai tempoh sah lesen eksport bagi keluaran kayu.

## 2. Kayu Gergaji

### **Kayu Gergaji yang Diperingkat (Graded ) dan Dikering Tanor (Kiln Dried)**

- a) Tempoh sah lesen eksport bagi kayu yang diperingkat selepas dikering tanor adalah 120 hari dari tarikh pemeringkatan atau periksa peringkat atau periksa semula.
- b) Tempoh sah lesen eksport bagi kayu yang diperingkat sebelum dikering tanor adalah 120 hari dari tarikh akhir dikering tanor. Kayu berkenaan hendaklah siap dikering tanor dalam tempoh 180 hari dari tarikh pemeringkatan atau periksa peringkat atau periksa semula.

### **2.2 Kayu Gergaji yang Diperingkat (Graded ) dan Dikering Udara (Air Dried)**

Tempoh sah lesen eksport bagi kayu gergaji yang diperingkat dan dikering udara adalah 60 hari dari tarikh pemeringkatan atau periksa peringkat atau periksa semula.

- 2.3 Untuk kayu gergaji yang diperingkat (graded), pemeriksaan semula adalah diperlukan jika mana-mana syarat yang terkandung di dalam perenggan (2.1) dan (2.2) di atas adalah tidak dipenuhi.

**2.4 Kayu Gergaji Tanpa Peringkat (Ungraded) Yang Dikering Tanor (Kiln Dried)**

Tempoh sah lesen eksport bagi kayu gergaji tanpa peringkat yang dikering tanor adalah 60 hari dari tarikh akhir dikering tanor.

**2.5 Kayu Gergaji Tanpa Peringkat (Ungraded) Yang Dikering Udara (Air Dried)**

Tempoh sah lesen eksport bagi kayu gergaji tanpa peringkat yang dikering udara adalah 60 hari dari tarikh permohonan lesen eksport.

**3 Semua Keluaran Kayu (Selain Daripada Kayu Gergaji)**

Tempoh sah lesen eksport bagi semua keluaran kayu (selain daripada kayu gergaji) adalah 60 hari dari tarikh permohonan lesen eksport.

**4. Buletin ini berkuatkuasa mulai dari 1 Februari 1999.**



**DATO' HAJI ABDUL RASHID B.**  
Ketua Pengarah  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia